

14 DEC 2000

PEMUDA MIC SAMBUT BAIK PELANTIKAN EXCO MELAKA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda MIC hari ini menyambut baik pelantikan wakil tunggal parti itu di Dewan Undangan Negeri Melaka sebagai anggota exco dan menyifatkannya sebagai satu lagi bukti komitmen padu kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap masyarakat India Malaysia.

Ketua penerangan pergerakan itu L. Sivasubramaniam berkata pelantikan itu jelas membuktikan pengiktirafan BN ke atas peranan yang lebih luas untuk masyarakat India dalam kerajaan.

"Ia juga menunjukkan bahawa hanya BN dan MIC boleh mewakili masyarakat kaum India di negara ini," katanya kepada Bernama di sini.

Katanya pelantikan itu akan meningkat dan memperkukuhkan sokongan masyarakat kaum India untuk BN di negeri itu yang juga akan memberi manfaat kepada mereka dalam pelbagai cara.

Sivasubramaniam berkata pergerakan itu juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Semalam, Mohd Ali mengumumkan pelantikan pengerusi MIC Melaka, Datuk R.Raghavan yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Asahan sebagai anggota exco yang bertanggungjawab bagi portfolio belia dan sukan.

-- BERNAMA

RV ZS LAT